



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

KESUMA PANTAU RAPI PENUTUPAN OPERASI WRP ASIA PACIFIC SDN. BHD. BAGI MEMASTIKAN KEBAJIKAN 1,426 PEKERJA TERPELIHARA

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) ingin memaklumkan bahawa Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) sedang memantau dengan teliti proses penutupan operasi syarikat WRP Asia Pacific Sdn. Bhd. yang terletak di Sepang, Selangor, bagi memastikan hak dan kebajikan seramai 1,426 pekerja yang terlibat sentiasa dilindungi.

Susulan aduan yang diterima pada 16 April 2026 berhubung penutupan penuh operasi syarikat tersebut, JTKSM telah menjalankan siasatan lanjut pada 17 April 2026. Siasatan mengesahkan bahawa syarikat telah melantik pelikuidasi (*liquidator*) dan mengeluarkan notis penamatan perkhidmatan kepada para pekerja **berkuat kuasa serta-merta pada 15 April 2026**. Daripada jumlah 1,426 pekerja yang terkesan, seramai 304 adalah pekerja tempatan manakala 1,122 lagi merupakan pekerja asing.

Bagi menyelaraskan tindakan susulan, JTKSM telah mengadakan satu mesyuarat pada 17 April 2026 bersama pihak pelikuidasi, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Hasil mesyuarat tersebut, pihak pelikuidasi telah menyatakan komitmen terhadap beberapa perkara utama seperti berikut:

- **Tuntutan Gaji dan Faedah:** Semua tuntutan berkaitan gaji dan faedah penamatan akan diuruskan melalui pengemukaan borang Proof of Debt (POD) mengikut prosedur yang ditetapkan.
- **Status Gaji:** Pembayaran gaji bagi bulan Mac 2026 telah diselesaikan, manakala bayaran gaji bagi bulan April 2026 sedang dalam proses penyediaan dokumen terperinci oleh Bahagian Sumber Manusia yang dilantik secara kontrak untuk dimuktamadkan.
- **Penawaran Kontrak Sementara:** Sebahagian pekerja tempatan akan ditawarkan kontrak sementara bagi menyempurnakan tugas kritikal seperti pengurusan dokumen, hal ehwal kewangan, serta tugas teknikal bagi penyelenggaraan aset dan mesin kilang.

- **Taklimat Faedah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP):** PERKESO telah mengadakan sesi taklimat komprehensif mengenai faedah di bawah SIP pada 20 April 2026, bagi memberi pencerahan mengenai bantuan kewangan sementara kepada pekerja yang layak.
- **Padanan Pekerjaan:** Melalui portal MYFutureJobs, PERKESO sedang melaksanakan proses profiling bagi mengenal pasti kemahiran pekerja untuk dipadankan dengan peluang kerjaya baharu melalui libat urus bersama majikan berpotensi.
- **Bimbingan Kerjaya:** Selain bantuan carian kerja secara dalam talian, pekerja yang terkesan juga akan diberikan khidmat bimbingan kerjaya dan kaunseling sekiranya perlu bagi memastikan kestabilan emosi dan persediaan mental mereka.
- **Kebajikan Pekerja Asing:** Majikan telah memberi jaminan bahawa kebajikan pekerja asing termasuk penyediaan penginapan dan makanan akan terus dipelihara sehingga proses penempatan semula selesai. Pada masa yang sama, usaha sedang dilaksanakan untuk memudah cara penawaran pekerjaan oleh majikan baharu kepada pekerja asing terlibat.

KESUMA akan terus memantau perkembangan situasi ini secara berterusan bagi memastikan majikan dan pihak pelikuidasi mematuhi sepenuhnya peruntukan undang-undang perburuhan negara. Segala langkah yang sewajarnya akan dilaksanakan bagi melindungi kebajikan serta memelihara hak pekerja, seterusnya memastikan keseluruhan proses berjalan secara teratur, telus dan adil.

Sehubungan itu, Kementerian menyeru semua pihak agar tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh menimbulkan keresahan awam, sementara proses dokumentasi serta penyelesaian tuntutan pekerja sedang dilaksanakan.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
21 APRIL 2026

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	